

07 JUL 2002

Mahathir-Najib

NAJIB PALING LAYAK SEBAGAI TPM, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Zulkifli Salleh

BANGKOK, 7 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau melihat Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai orang paling layak dan paling kanan serta berpengalaman dalam kerajaan untuk dilantik sebagai timbalan perdana menteri.

Perdana Menteri berkata tujuan beliau membayangkan kemungkinan Menteri Pertahanan itu dilantik sebagai timbalan perdana menteri pada perjumpaan dengan Umno Kubang Pasu di Seri Perdana pada 3 Julai lepas tidak bertujuan "mengikat" Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya memilih Najib sebagai timbalannya, apabila beliau bersara kelak.

"Tidak mengikat, tujuan saya ialah supaya tidak ada perebutan. Dan oleh kerana Najib yang paling senior (kanan)...saya nampak dalam kes ini best candidate (calon terbaik) dari segi seniority dan most experienced (paling berpengalaman) dalam kerajaan ialah Najib," katanya kepada wartawan Malaysia di sini sebelum berlepas pulang ke tanah air selepas mengadakan lawatan dua hari ke Thailand.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataannya pada perjumpaan dengan Umno Kubang Pasu itu dan sama ada kenyataannya itu akan "mengikat" Abdullah dalam memilih timbalannya kelak.

Perdana Menteri telah menamakan timbalannya Abdullah sebagai penggantinya apabila beliau bersara pada Oktober tahun depan.

Dr Mahathir berkata terpulang kepada Abdullah untuk memilih siapa dari kalangan pemimpin Umno sebagai timbalan perdana menteri kelak.

Mengenai jawatan pemangku timbalan presiden Umno, Dr Mahathir berkata beliau tidak pasti apa yang terdapat dalam perlembagaan parti mengenai perkara itu tetapi semasa beliau dilantik sebagai timbalan perdana menteri, beliau dilantik sebagai pemangku timbalan presiden sehingga disahkan dalam pemilihan parti.

"Tak tahulah kalau proses itu bukan terselit dalam perlembagaan UMNO, cuma amalan kita sahaja. Saya tak hendaklah...ini tanggungjawab bakal Presiden, dia sendiri buatlah," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata mengikut rancangan peralihan kuasa, Majlis Tertinggi Umno bersetuju supaya pemilihan Umno yang dijadualkan tahun depan diadakan hanya selepas pilihan raya diadakan.

"Ini supaya tidak ada disruption (gangguan) bagi menghadapi pilihan raya," kata beliau.

Ditanya rancangan beliau dalam persaraan kelak, Dr Mahathir berkata beliau bercadang menulis pengalamannya supaya dapat dikongsi oleh orang lain.

"Saya telah melalui banyak pengalaman yang boleh dikongsi dengan orang lain sebagai rujukan. Saya telah melalui banyak pengalaman bidang politik dan ekonomi dan sosial," kata beliau.

Dr Mahathir juga bercadang bersuara dalam pelbagai forum kerana menurutnya Malaysia mempunyai banyak idea baik yang perlu diberi publisiti dan beliau mahu menjadi seperti jurucakapnya.

--BERNAMA

ZS NAK